

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil peningkatan jumlah pekerja asing yang melebihi 2.5 juta orang telah menyebabkan industri kiriman ke luar negara meningkat saban tahun dan apakah langkah strategik yang diambil bagi mengekang permasalahan ini.

JAWAPAN

- 1.. Kerajaan mengambil maklum permasalahan yang timbul kesan daripada penggajian warga asing terutama dari sudut pengaliran wang ke luar negara.

2 Berhubung isu pengiriman wang ke luar negara, perundangan sedia ada membenarkan pengiriman wang upah atau gaji oleh pekerja asing yang bekerja di negara ini ke negara asal mereka. Ini adalah kerana objektif utama pekerja asing datang bekerja ke negara ini adalah untuk membantu kelangsungan hidup diri dan keluarga mereka di negara asal. Begitu juga halnya dengan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Mereka juga dibenarkan untuk mengirim wang gaji atau upah mereka pulang ke Malaysia. Mengikut peruntukan Akta Kerja 1955 majikan dikehendaki membayar gaji pekerja melalui akaun bank.

3. Kerajaan telah melakukan penambahbaikan dengan meliberalkan dasar bagi membolehkan penyedia bukan bank menyediakan perkhidmatan pengiriman wang yang secara tradisi hanya disediakan oleh institusi perbankan. Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business) yang telah diluluskan pada Julai 2011 membolehkan pelesenan, pengawalan dan penyeliaan pengurusan wang, pengiriman wang dan perniagaan

mata wang borong. Langkah ini antara lain bermatlamat meningkatkan akses kepada saluran pengiriman wang yang rasmi serta mencegah industri daripada digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram dan membiayai keganasan.

4. Permasalahan pengiriman wang oleh warga asing ini perlu ditangani secara menyeluruh dengan keutamaan diberikan kepada usaha untuk mengawal kemasukan pekerja asing. Dari aspek makroekonomi, pekerja asing masih diperlukan untuk melakukan kerja di bidang tertentu seperti pertanian dan perladangan serta pembantu rumah.

5. Namun begitu, usaha berterusan dan berperingkat sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Ini termasuk memperkenalkan inisiatif seperti latihan kemahiran kepada pekerja tempatan, galakan kepada majikan untuk beralih dari intensif buruh kepada intensif modal dan melaksanakan gaji minimum yang tinggi

bagi menggalakkan penyertaan pencari kerja tempatan, umur persaraan minimum bagi melanjutkan perkhidmatan pekerja tempatan dan pelaksanaan peraturan Kerja Separa Masa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
DARIPADA [LIBARAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memberikan taraf biasiswa kepada pelajar sarjana yang mencapai keputusan cemerlang CGPA melebihi 3.75 di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar Pinjaman Boleh Ubah (pengecualian bayaran balik) kepada peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya telah diperkenalkan mulai tahun 2003. Insentif ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pelajar cemerlang di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang terbuka kepada warganegara Malaysia. Sehingga 30 September 2014, seramai 22,361 orang peminjam telah mendapat manfaat daripada dasar ini yang melibatkan amaun pengecualian bayaran balik berjumlah RM 610.4 juta.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bercadang memperluaskan skop pengecualian bayaran balik kepada pelajar

sarjana yang cemerlang dan masih kekal dengan pelaksanaan dasar dan kaedah yang telah diputuskan.

RT25